

HARI : SABTU
TARIKH : 8/6/2019
M/SURAT : 17

44,832 barang tiruan disita

KUALA LUMPUR - Bahagian Pengawatkuasaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kuala Lumpur mengendalikan 47 kes yang berkaitan penjualan barang berjenama tiruan dalam tempoh antara Januari dan Mei lepas, melibatkan sitaan 44,832 unit barang yang nilainya dianggar berjumlah lebih RM1.6 juta.

Ketua Pegawai Pengawatkuasa KPDNHEP Kuala Lumpur, Azeem Nazuri berkata, jumlah sitaan barang itu mencatatkan peningkatan hampir 35 peratus tahun ini berbanding hanya 33,280 unit bagi tempoh sama tahun lalu.

"Nilainya pula meningkat sehingga tiga kali ganda berbanding tahun lalu yang mencatatkan jumlah hanya RM562,340, namun dari segi jumlah kes, kami berjaya mengendali 75 kes sepanjang tempoh itu tahun lepas," katanya di pejabat KPDNHEP Kuala Lumpur di sini baru-baru ini.

Menurutnya, ia menunjuk-

kan keberkesanannya KPDNHEP Kuala Lumpur membanteras kegiatan menjual barang tiruan itu dan berjaya meningkatkan kadar usaha membanterasnya pada skala lebih besar meskipun jumlah kes berkurang tahun ini.

Katanya, pihaknya pasti tidak akan mencapai kejayaan dengan nilai sitaan yang besar sekiranya tidak mendapat kerjasama daripada pemilik cap dagang tulen yang banyak menyururkan maklumat dan hasil risikan bersama.

"Bagi 2018, barang paling banyak disita pengawatkuasa KPDNHEP Kuala Lumpur ialah barang tiruan seperti jam tangan jenama mewah bernilai lebih RM250,000.

"Untuk tahun ini, barang tiruan seperti barang kulit iaitu beg tangan paling banyak disita dengan nilai menjangkau RM529,600," katanya.

Menurutnya, ada antara peniaga menjual barang tiruan secara runcit di premis masing-masing, dan ada juga menjualnya secara borong. - Bernama